



JPT JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI



Kongres Antarabangsa Bahasa & Tamadun

Melayu Alam

'Memperkasa Bahasa & Tamadun'

28-29

9.00 pagi - 5.00 petang

Bilik Senat

Bangunan Canselor, UKM

Kandungan

1	SEKAPUR SIRIH Alo-Aluan YAB Perdana Menteri Alo-Aluan YB Menteri KPT	4
2	SEULAS PINANG Alo-Aluan YBhg. Naib Canselor UKM Alo-Aluan YBhg. Pengerusi Jawatankuasa Induk Kongres	7
3	PENGENALAN KONGRES Objektif	10
4	ATUR CARA KONGRES	13
5	BIODATA PEMBENTANG DAN ABSTRAK YB Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim YBhg. Prof. Dato' Perdana Dr. Hj Abdul Malik YBhg. Prof. Madya Dr. Ismail Lutfi Japakiya YBhg. Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Toriman YBhg. Prof. Datuk Seri Dr. Awang Sariyan YBhg. Prof. Emeritus Dr. Che Husna Azhari YBhg. Prof. Dr. Arndt Graf YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh YBhg. Prof. Dr. James T. Collins YBhg. Prof. Emeritus Dato Isahak Haron YBhg. Prof. Dato Ir. Dr. Wan Ramli Wan Daud YBhg. Prof. Dr. Solehah Yaacob YBhg. Prof. Dr. Tajul Shuhaizam Bin Said YBhg. Prof. Madya Dr. Asyaari Muhamad YBhg. Prof. Dr Zafir Khan Mohamed Makhbul	18
6	AHLI JAWATANKUASA & PENGHARGAAN	34


Alu-Aluan YAB Perdana Menteri

YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob
Perdana Menteri Malaysia

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah swt kerana dengan izin-Nya Kongres Antarabangsa Pemerkasaan Bahasa dan Tamadun Alam Melayu dapat dianjurkan pada 28-29 September 2022 ini bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Memperkasa Bahasa dan Tamadun Alam Melayu adalah satu usaha murni yang menjadi agenda negara agar bahasa Melayu diterima dan dimartabatkan dalam negara ini secara meluas dan menjadi mekanisme perpaduan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan bangsa.

Inisiatif ini juga adalah langkah merealisasikan Hasrat negara dalam mempromosi Bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN yang diiktiraf di rantau ini dan persada dunia. Selain itu, saya amat berbangga kerana KPT dan UKM sentiasa terkehadapan dalam menggalas amanah bangsa dalam memperkasa nilai ketamadunan alam Melayu yang menjadi dasar pembentukan identiti kejatian masyarakat Malaysia yang unik dengan kekayaan diversiti masyarakat majmuknya. Identiti kejatian ini harus difahami sebagai identiti yang menyerlahkan keintelektualan dan tatasusilaan warga Malaysia yang warisi menerusi nilai ketamadunan masyarakat di Alam Melayu yang hidup harmoni bersama hingga hari ini.



Saya yakin Kongres ini akan menjadi platform perkongsian pintar yang akan memberi impak besar kepada ekosistem pendidikan tinggi negara juga memberi manfaat kepada masyarakat umum, khususnya dalam memperkasa Bahasa Kebangsaan dan Tamadun Melayu. Saya ucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Kebangsaan Malaysia atas kejayaan menganjurkan Kongres Pemerkasaan Bahasa dan Tamadun Alam Melayu yang sangat signifikan dan berimpak ini. Syabas dan tahniah diucapkan.

Alu-Aluan YB Menteri KPT

YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad
Menteri Pengajian Tinggi

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Pertamanya, syukur ke hadrat Allah kerana dengan izin-Nya Kongres Pemerkasaan Bahasa dan Tamadun Alam Melayu dapat dianjurkan pada 29 September 2022. Dengan tema "Pemerkasaan Bahasa dan Tamadun Alam Melayu", penganjuran Kongres ini amatlah diharapkan YAB Perdana Menteri Malaysia agar bahasa Melayu dimartabatkan dalam negara dan diperluas penggunaannya di peringkat ASEAN dan antarabangsa serta dikembangkan konsep tamadun Alam Melayu yang menjadi tonggak utama membentuk semangat kenegaraan Malaysia beracuan jati diri kebangsaan.

Saya yakin bahawa Kongres ini akan menjadi platform perkongsian antara tokoh-tokoh ilmuwan bidang bahasa dan tamadun Alam Melayu dalam dan luar negara. Penganjuran Kongres seumpama ini akan memberi impak dalam menyuntik semangat nasionalisme yang mengukuhkan iltizam bersama dalam membugar potensi serta memainkan peranan pemerkasaan bahasa Melayu sebagai ilmu tinggi dan mengembang tamadun Alam Melayu menerusi aktiviti jaringan penyelidikan, kolaborasi berbilang, dan pendigitalan ilmu.



Inisiatif penganjuran Kongres ini mampu merealisasikan strategi Kerajaan Malaysia dalam mengantarabangsakan Malaysia sebagai pusat rujukan ilmu pengajian bahasa dan tamadun Alam Melayu di ASEAN dan seluruh dunia. Kementerian Pengajian Tinggi selaku Jawatankuasa Pengembangan Bahasa Melayu di IPT negara-negara ASEAN sentiasa terkehadapan dan bersedia bersama-sama semua pihak yang terlibat dalam mengangkat bahasa Melayu dan ilmu watan di persada antarabangsa.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat atas usaha keras menjayakan Kongres Pemerkasaan Bahasa dan Tamadun Alam Melayu yang amat bermakna ini. Syabas dan tahniah diucapkan.

Alu-Aluan YBhg. Naib Canselor

YBhg. Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Ekhwan Toriman
Naib Canselor UKM

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, selautan kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah yang Maha Esa, kerana dengan izin-Nya, julung-julung kalinya Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menjadi tuan rumah Kongres Pemerkasaan Bahasa dan Tamadun Alam Melayu yang dianjurkan pada 28-29 September 2022 ini.

Penganjuran ini bertepatan dengan Hasrat UKM sebagai sebuah universiti unggul berteraskan kewatanan yang memartabatkan bahasa Melayu serta mensejagatkan ilmu beracuan budaya kebangsaan. UKM sentiasa berkehadapan dalam usaha memastikan warisan budaya menjadi agenda penting dalam memartabatkan bangsa. Dalam mengangkat bahasa dan ketamadunan Melayu, warga UKM bergerak laju berlandaskan kerangka TERAS yang mengandungi elemen kebitaraan dan prakarsa yang dijadikan hala tuju universiti.

Lembayung TERAS UKM terdiri daripada lima nilai utama, iaitu Bakat (Talent), Etika (Ethics), Memperkasa (Revitalise), Tangkas (Agile) dan Jiwa (Soul). Pemangkin bagi kelima-lima nilai ini adalah elemen kebitaraan kepada TERAS, iaitu Watan, i-Minda, Holistik, Digital dan Prihatin. Khususnya, terdapat di bawah kebitaraan Watan



terdiri daripada lima prakarsa, iaitu penghayatan Falsafah Universiti, pemerkasaan bahasa Melayu, pemuliharaan Warisan Budaya, pengukuhan Jati Diri dan pemupukan semangat patriotik.

Kepercayaan dan keyakinan pihak KPT kepada UKM dalam memikul amanah bangsa sentiasa menjadi penguat semangat dan iltizam warganya dalam memperkasa bahasa dan warisan alam dan tamadun Melayu. Saya mewakili pengurusan tertinggi UKM akan sentiasa menyokong dan mendukung komitmen yang diamanahkan ini. Diharapkan Kongres ini memberi impak kepada semua yang terlibat sekali gus mengangkat bahasa dan tamadun Melayu ke peringkat yang lebih tinggi. Semoga kita sama-sama beroleh manfaat. Terima kasih.

Alu-Aluan YBhg. Pengerusi Jawatankuasa Induk Kongres

YBhg. Prof. Dato' Dr. Wan Kamal Mujani
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi), UKM

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Segala puji bagi Allah yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. Alhamdulillah, Kongres Pemerkasaan Bahasa dan Tamadun Alam Melayu akhirnya berjaya dianjurkan di Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 28-29 September 2022.

Apabila Naib Canselor UKM menyampaikan hasrat YB Menteri Pengajian Tinggi untuk mengadakan satu persidangan berimpak khusus membincangkan matlamat memperkasa bahasa dan tamadun alam Melayu, tanpa ragu UKM menyambut hasrat tersebut sebagai komitmen yang harus dijalankan.

UKM adalah sebuah universiti watan yang masih mengekalkan penarafan status universiti penyelidikan sejak ia diperkenalkan pada tahun 2008. UKM sentiasa memberi komitmen tinggi melestari usaha dan iltizam penyelidikan berkaitan bahasa dan ketamadunan dalam ekosistem penyelidikan dan pengajarannya. Buktinya, UKM secara serius menggerakkan usaha ini di bawah salah satu kluster penyelidikan yang khusus, iaitu Kluster Warisan dan Masyarakat Madani yang ditadbir urus



di bawah IDEA-UKM. Selain itu, Ins Alam dan Tamadun Melayu (ATM) yang digerakkan oleh KPT sebagai sekretariat Jawatankuasa Pemartaba Bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN serta rakan kolaborasi dalam pelaksanaan agenda bahasa dan tamadun Mel di peringkat negara menyerlah komitmen yang dimainkan oleh U dalam memperkasa ilmu dalam bid bahasa dan tamadun Melayu.

Sekalung penghargaan kepada semua jawatankuasa Penganju Kongres yang bermakna ini. Semoga Allah membalas segala penat lelah komitmen yang diberikan dengan sebaik balasan. Terima kasih.

9.30 pagi	Ketibaan YBhg. KSU KPT Lawatan ke Ruang Pameran
10.00 pagi	Pembukaan oleh Pengerusi Majlis Nyanyian Lagu Negaraku & Varsiti Kita Bacaan Doa
10.15 pagi	Ucapan Alu-aluan YBhg. Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Ekhwan Toriman <i>Naib Canselor UKM</i>
10.30 pagi	Ucapan Perasmian YBhg. Dato' Seri Abdul Razak Jaafar <i>Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi</i>
10.45 pagi	Tayangan Montaj Perasmian / Persembahan Kebudayaan
11.00 pagi	Jamuan Perasmian
11.30 pagi	Pembentangan Panel 1 : YB Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim <i>Yang Di-Pertua Dewan Negara</i>
12.00 tengah hari	Pembentangan Panel 2 : YBhg. Prof. Dato' Perdana Dr. Hj Abdul Malik <i>Ketua Senat Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Maritim Raja Ali Haji</i>
12.30 tengah hari	Pembentangan Panel 3 : YBhg. Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Toriman <i>Naib Canselor UKM</i>
1.00 petang	Rehat dan Makan Tengah Hari

28

September
2022

□
Bilik Senat, Aras 5,
Bangunan Canselori
UKM

2.00 petang	Pembentangan Panel 4 : Prof. Dr. Arndt Graf <i>Departemen Kajian Asia Tenggara Goethe Universität Frankfurt, Jerman</i>
2.30 petang	Pembentangan Panel 5 : YBhg. Prof. Datuk Seri Dr. Awang Sariyan <i>Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia</i>
3.00 petang	Pembentangan Panel 6 : YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh <i>Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia</i>
3.30 petang	Pembentangan Panel 7 : YBhg. Prof. Dr. James T. Collins <i>Profesor Kehormat Antarabangsa Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia</i>
4.00 petang	Pembentangan Panel 8 : YBhg. Profesor Emeritus Dr. Che Husna Azhari <i>Profesor Emeritus Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina Universiti Kebangsaan Malaysia</i>
5.00 petang	Jamuan minum petang & bersurai

8.30 pagi	Pendaftaran
9.00 pagi	Pembentangan Panel 9 : YBhg. Profesor Emeritus Dato Isahak Haron
9.30 pagi	Sesi Soal Jawab
9.45 pagi	Pembentangan Panel 10 : YBhg. Prof. Dr. Ir. Dr. Wan Ramli Wan Daud <i>Jabatan Kejuruteraan Kimia, Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya</i>
10.15 pagi	Sesi Soal Jawab
10.30 pagi	Rehat dan minum pagi
11.30 pagi	Pembentangan Panel 11 : YBhg. Prof. Madya Dr. Ismail Lutfi Japakiya <i>Rektor Fatoni University, Thailand</i>
12.00 tengah hari	Sesi Soal Jawab
12.15 tengah hari	Pembentangan Panel 12 : YBhg. Profesor Dr. Solehah Yaacob <i>Kuliyah Ilmu al-Wahyu dan Kemanusiaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia</i>
12.45 tengah hari	Sesi Soal Jawab
1.00 petang	Rehat dan Makan Tengah Hari

29

September
2022

Bilik Senat, Aras 5,
Bangunan Canselori
UKM

2.00 petang	Pembentangan Panel 13 : YBhg. Prof. Dr. Tajul Shuhaizam Bin Said <i>Pengarah Institut Peradaban Melayu Universiti Pendidikan Sultan Idris</i>
2.30 petang	Sesi Soal Jawab
2.45 petang	Pembentangan Panel 14 : YBhg. Prof. Madya Dr. Asyaari Muhamad <i>Timbalan Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia</i>
3.15 petang	Sesi Soal Jawab
3.30 petang	Pembentang Panel 15 : YBhg. Prof. Dr Zafir Khan Mohamed Makbul <i>Dekan Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (UKM-GSB) Universiti Kebangsaan Malaysia</i>
4.00 petang	Sesi Soal Jawab
4.15 petang	Pembentangan Resolusi YBhg. Prof. Datuk Seri Dr. Awang Sariyan
4.30 petang	Ucapan Penghargaan YBhg. Prof. Dato' Dr. Wan Kamal Mujani <i>Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UKM Pengerusi Jawatankuasa Kongres</i>
4.45 petang	Ucapan Penutupan YBhg. Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Ekhwan Toriman <i>Naib Canselor UKM</i>
5.00 petang	Penyampaian cenderamata
5.15 petang	Jamuan dan bersurai

*YBhg. Profesor Dr. Solehah
Yaacob*



*Alam Melayu Kuno : sejauh mana
maklumat kita?*

Biodata

Profesor Dr. Solehah Yaacob merupakan profesor di dalam bidang Falsafah Arab di Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, AHAS Kulliyah Ulum al-din dan Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau merampas keluaran UIAM di mana kesemua ijazah adalah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Di Istanbul, kertas kerja beliau mendapat skor tertinggi dengan 95% yang dinilai pada tahun 2009 oleh Common Ground Melbourne Australia. Beliau dianugerahkan sebagai pemenang anugerah kertas kerja terbaik di Iran 2008. Selain itu, beliau telah dianugerahkan sebagai penulis artikel oleh UIAM untuk artikel beliau yang diterbitkan di London, 2015. Pada tahun 2018, beliau telah dianugerahkan 'Distinguished Women in Humanities and Sciences in Arabic Literature' oleh Venus International Foundation India. Beliau merupakan penulis skrip 52 siri untuk projek dokumentari mengenai 'Bahasa & Peradaban Manusia dari Adam (PBUH) hingga Muhammad' untuk Siaran TV.

Abstrak

Masih tiada maklumat Alam Melayu Kuno yang dibukukan. Manuskrip Alam Melayu yang ada hanyalah bertarikh 1500 Masihi atau hanya bermula yang ke 14th Masihi. Justeru di mana manuskrip, batu bersurat atau sebelum itu? Maklumat Alam Melayu yang digembar-gemburkan hanyalah 600 Masihi atau hanya di kurun 7th Masihi sahaja berdasarkan bukti beberapa bersurat yang ditemui di Sumatra. Ini sudah tentu memberi tamparan hebat kepada kita bangsa Melayu bahawa maklumat yang ada hanya sekitar kurun ke 7 bermakna sejarah Alam Melayu hanya diwartakan setelah kewafatan besar Nabi Muhammad SAW. Keadaan ini menunjukkan kita sebagai bangsa yang tidak tahu asal usul leluhur kita yang sebenar. Kenapa ini terjadi? Kenapa didedahkan secara rasmi tentang leluhur bangsa ini sedangkan kitab-kitab atau klasik menyebut tentang kedatangan anak-anak Keturah dan Nabi Ibrahim ke Alam Melayu. Kedatangan mereka ini sebagai utusan untuk mengemudikan Agama Tauhid. Justeru kertas kerja ini cuba membongkar beberapa maklumat terhadap isu di atas. Pengolahan tajuk berdasarkan analisis dan kritik.

*YBhg. Profesor Dr. Solehah
Yaacob*



*Alam Melayu Kuno : sejauh mana
maklumat kita?*

Biodata

Profesor Dr. Solehah Yaacob merupakan profesor di dalam bidang Falsafah Nahu Arab di Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, AHAS Kulliyyah Ulum al-Wahyu dan Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau merupakan keluaran UIAM di mana kesemua ijazah adalah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Di Istanbul, kertas kerja beliau mendapat skor tertinggi dengan 95 peratus yang dinilai pada tahun 2009 oleh Common Ground Melbourne Australia. Begitu juga di Tehran, Iran beliau telah dianugerahkan sebagai pemenang anugerah kertas kerja terbaik di Iran 2008. Selain itu, beliau telah dianugerahkan sebagai penulis terbaik artikel oleh UIAM untuk artikel beliau yang diterbitkan di London, 2015. Pada Mac 2018, beliau telah dianugerahkan `Distinguished Women in Humanities and Social Sciences in Arabic Literature` oleh Venus International Foundation India. Selain itu, beliau merupakan penulis skrip 52 siri untuk projek dokumentari mengenai `Revolusi Bahasa & Peradaban Manusia dari Adam (PBUH) hingga Muhammad (PBUH)` untuk Siaran TV.

Abstrak

Masih tiada maklumat Alam Melayu Kuno yang dibukukan. Manuskrip tentang Alam Melayu yang ada hanyalah bertarikh 1500 Masihi atau hanya bermula kurun yang ke 14th Masihi. Justeru di mana manuskrip, batu bersurat atau maklumat sebelum itu? Maklumat Alam Melayu yang digembar-gemburkan hanyalah bertarikh 600 Masihi atau hanya di kurun 7th Masihi sahaja berdasarkan bukti beberapa batu bersurat yang ditemui di Sumatra. Ini sudah tentu memberi tamparan hebat kepada kita bangsa Melayu bahawa maklumat yang ada hanya sekitar kurun ke dua Hijrah bermakna sejarah Alam Melayu hanya diwartakan setelah kewafatan junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Keadaan ini menunjukkan kita sebagai bangsa Melayu tidak tahu asal usul leluhur kita yang sebenar. Kenapa ini terjadi? Kenapa ia tidak didedahkan secara rasmi tentang leluhur bangsa ini sedangkan kitab-kitab kuno atau klasik menyebut tentang kedatangan anak-anak Keturah dan Nabi Ibrahim a.s Agama Tauhid. Justeru kertas kerja ini cuba membongkar beberapa maklumat primer terhadap isu di atas. Pengolahan tajuk berdasarkan analisis dan kritik.